

PM arah henti intip kes maksiat

BH-23/2/2007

Pengintip jejas imej Islam, ganggu peribadi orang

Daripada Manja Ismail

JAKARTA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu pentadbiran agama Islam kerajaan negeri menghentikan sebarang usaha mewujudkan kumpulan pengintip bagi mengesan perbuatan sumbang atau maksiat di kalangan umat Islam kerana banyak lagi cara lain untuk memperbetulkan akhlak mereka.

Perdana Menteri berkata, perbuatan seumpama itu boleh menimbulkan kesangsian terhadap Islam terutama apabila berlaku seperti kes di Langkawi apabila pasangan suami isteri warga asing ditahan kerana disyaki berkhawat, selain ia boleh dilihat sebagai mengganggu peribadi orang lain.

"Tidak payahlah kita wujudkan kumpulan pengintip. Kalau ada apa-apa yang buruk berlaku, mesti ada

orang nampak. Kita juga ada undang-undang, yang bukan saja undang-undang syariah, untuk mengawasi sebarang kelakuan yang tidak senonoh.

"Masih banyak program yang boleh dilaksanakan oleh jabatan agama negeri untuk memperbetulkan akhlak umat Islam dan menerapkan nilai-nilai Islam. Masih banyak kes di pejabat agama dan Mahkamah Syariah yang perlu diberi perhatian untuk diselesaikan," katanya pada sidang media sebelum berlepas pulang pada akhir lawatan kerja dua harinya ke sini, semalam.

Beliau diminta mengulas laporan yang memetik Pengerusi Jawatankuasa Islam Hadhari Terengganu, Datuk Rosol Wahid mengenai program melatih kumpulan pengintip melaporkan perbuatan maksiat di kalangan umat Islam negeri itu.

Abdullah, ketika ditanya berhubung penjelasan Rosol bahawa kumpulan seumpama itu sudah lama wujud berkata, beliau tidak mengetahui kewujudan kumpulan yang mengesan perbuatan sumbang seperti itu.

Perdana Menteri juga menasihatkan media tidak sewenang-wenangnya melaporkan kenyataan seseorang mufti mengenai sesuatu perkara sebagai fatwa sedangkan pandangan mereka bukan saja bersifat peribadi tetapi tidak mencerminkan pendapat Jawatankuasa Majlis Fatwa.

Mengenai cadangan PDRM supaya pekerja asing dikurung di tempat khusus bagi mengelak mereka terabit jenayah, Abdullah berkata: "Kerajaan hanya akan bersetuju dengan cadangan mengumpul pekerja asing di sesuatu kawasan berhampiran tempat kerja selagi ia tidak menyekat kebebasan mereka untuk bergerak."